



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN KAEDAH PENGAJARAN BERSAMA TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN MURID TINGKATAN EMPAT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NOR AZIMAH BINTI ARIFFIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN KADEAH PENGAJARAN BERSAMA TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN KARANGAN MURID TINGKATAN EMPAT

NOR AZIMAH BINTI ARIFFIN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DESERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind: 00 m/s: 1/1

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14 Januari 2020

i. Perakuan pelajar:

Saya, Nor Azimah Binti Ariffin M20132001581 Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Kesan Kaedah Pengajaran Bersama Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Murid Tingkatan Empat adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.





Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Profesor Madya Dr. Dahlia Binti Janan dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kesan Kaedah Pengajaran Bersama Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Murid Tingkatan Empat dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan Bahasa Melayu.

1 JULAI 2020

Tarikh



Tandatangan Penyelia



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: Kesan Kaedah Pengajaran Bersama Terhadap Pencapaian
Penulisan Karangan Murid Tingkatan Empat

No. Matrik / Matric No : M20132001581

Saya / I : Nor Azimah Binti Ariffin

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 1 JULAI 2020

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
PROF. DR. DAHEIA JAHAN
 Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu
 Fakulti Bahasa dan Komunikasi
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 35900 Tanjong Malim PERAK MALAYSIA
 daheia@upsi.edu.my

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iv

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi, kerana dengan keizinanNYA jua maka terhasil disertasi yang terlahir dengan sejuta pengalaman. Merealisasikan naskhah ini sudah tentu menuntut kerjasama dan pengorbanan insan-insan istimewa di sisi terutamanya keluarga tersayang serta berkat doa ibu yang tercinta. Penghargaan yang tidak terhingga sudah tentunya ditujukan kepada pensyarah penyelia yang tidak putu-putus memberikan tunjuk ajar, dorongan dan semangat yang luar biasa sehinggalah disertasi ini berjaya sampai ke penamatnya, terima kasih Profesor Madya Dr. Dahlia Binti Janan. Seterusnya ribuan terima kasih juga diucapkan kepada sahabat yang sama-sama berjuang di arena Sarjana yang sering memberikan galakan dan buah fikiran berharga. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan guru yang memberi galakan bagi menjayakan kajian ini. Akhir penghargaan terima kasih juga kepada individu-individu lain yang sama-sama memberi kerjasama secara langsung atau tidak langsung dalam proses penghasilan disertasi ini. Terima kasih.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
V

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji kesan penggunaan kaedah pengajaran bersama dalam pengajaran penulisan karangan pelajar tingkatan empat. Kajian ini membabitkan 50 sampel yang terdiri daripada 25 sampel bagi kumpulan rawatan dan 25 sampel bagi kumpulan kawalan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen dan pemilihan sampel pula menggunakan reka bentuk kumpulan kawalan rawak tidak setara. Kajian ini melibatkan sebuah kelas menggunakan kaedah konvensional sebagai kumpulan kawalan dan sebuah kelas lagi menggunakan kaedah pengajaran bersama sebagai kumpulan rawatan. Kumpulan rawatan menjalani tujuh sesi pengajaran bersama yang menggabungkan lima daripada 12 jenis kaedah pengajaran bersama. Lima kaedah pengajaran bersama yang digunakan ialah pengajaran selari, seorang mengajar dan seorang membantu, bercakap dan menambah, pengajaran berkumpulan dan pengajaran stesen. Data dikumpulkan dengan mengambil markah ujian pra dan ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan kawalan dan rawatan. Di samping itu, data soal selidik minat murid terhadap kaedah pengajaran bersama dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik yang diberikan kepada murid dalam kumpulan rawatan setelah menyelesaikan semua sesi kaedah pengajaran bersama. Kajian ini menunjukkan bahawa kaedah pengajaran bersama memberi kesan positif dengan keputusan ujian-t, $t_{\text{obs}} = 2.05$, $n=25$, $p \leq 0.00$. Hasil soal selidik mendapat bahawa 80 peratus pelajar lebih mudah memberi tumpuan dan memahami isi pengajaran penulisan karangan yang dijalankan oleh dua orang guru apabila menggunakan kaedah pengajaran bersama serta telah memberikan suasana bilik darjah yang positif. Implikasi kajian ini menunjukkan guru mempunyai pilihan untuk menggunakan kaedah pengajaran yang berbeza berbanding dengan kaedah pengajaran konvensional.



05-4506832



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



EFFECT OF CO-TEACHING METHOD ON THE ACHIEVEMENT OF FORM FOUR STUDENT ESSAY WRITING

ABSTRACT

The purpose of this study is to investigate an impact of the use of co-teaching methods in the teaching of form four student writing. This study involved 50 samples which 25 of them for the treatment group and 25 for the control group. This study used quasi-experimental design and sample selection using non-random control group design. The study involved one class using conventional methods as a control group and another class using co-teaching methods as treatment group. The treatment group underwent seven co-teaching sessions which incorporating five of the 12 common co-teaching methods. The five co-teaching methods used are parallel teaching, one teaching and one assist, speak and add, teaming and station teaching. Data were collected by taking pre- and post-test scores for both the control and treatment groups. In addition, data on students' interest of the co-teaching methods were collected using the questionnaire which given to students in the treatment group after completing all sessions of co-teaching methods. This study shows that co-teaching methods have a positive effect on the samples with the t-test results, $n = 25$, $p \leq 0.00$. The results of the questionnaire found that 80 percent of students were more likely to focus and understand the content of teaching of writing when the two teachers using co-teaching methods that provide a positive classroom environment. The implications of this study suggest teachers have the option to use different teaching methods compared to the conventional teaching methods.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	3
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Soalan Kajian	7
1.5	Hipotesis Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	8
1.7	Batasan dan Skop Kajian	10
1.8	Definisi Operasional	11
1.8.1	Pengajaran Bersama	11
1.8.2	Rancangan Pengajaran Harian (RPH)	13
1.8.3	Murid	14





1.8.4	Karangan	14
1.8.5	Keberkesanan	15
1.9	Kesimpulan	15

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	17
2.2	Teori	18
2.2.1	Teori Konstruktivisme	20
2.3	Pendekatan-pendekatan dalam PdP	23
2.3.1	Pendekatan dalam PdP Bahasa Melayu	24
2.4	Pengajaran Bersama	30
2.4.1	Kerangka Kaedah Pengajaran Bersama	32
2.4.1.1	Kaedah Pengajaran Bersama dalam Kajian	46



2.5	Kerangka Konseptual	
2.6	Kajian-kajian Berkaitan	52
2.6.1	Kajian-kajian Berkaitan Pengajaran Bersama	52
2.6.2	Kajian Karangan	54
2.7	Kesimpulan	60

BAB 3 KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	61
3.2	Reka Bentuk dan Kaedah Kajian	61
3.2.1	Reka Bentuk Eksperimental	62
3.3	Sampel Kajian	66
3.4	Lokasi Kajian	67
3.5	Alat Kajian	67
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	69





3.7	Prosedur Pengumpulan Data	70
3.8	Kaedah Analisis Data	75
3.8.1	Analisis Data Kuantitatif	75
3.8.2	Analisis Data Kualitatif	76
3.9	Kesimpulan	78

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	80
4.2	Analisis Data Markah Ujian Pra dan Ujian Pasca	81
4.3	Analisis Minat Murid	87
4.3.1	Latar Belakang Sampel	88
4.3.2	Persepsi Murid	90
4.3.3	Kesan Terhadap Murid	92
4.4	Analisa Jenis Kaedah Pengajaran Bersama	97
4.5	Kesimpulan	103



BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	104
5.2	Rumusan Hasil Kajian	105
5.2.1	Kesan Kaedah Pengajaran Bersama Terhadap Pencapaian Murid dalam Penulisan Karangan.	105
5.2.2	Kesan Kaedah Pengajaran Bersama Terhadap Minat Murid Dalam Pembelajaran Penulisan Karangan	106
5.2.3	Kaedah Pengajaran Bersama yang Sesuai	109
5.3	Perbincangan	110
5.3.1	Pencapaian Murid	110
5.3.2	Minat Murid	113
5.3.3	Refleksi Guru	115





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

5.4	Cadangan Kajian Lanjut	116
5.4.1	Guru	117
5.4.2	Murid	118
5.4.3	Jenis Kaedah Pengajaran Bersama	118
5.5	Implikasi	119
5.6	Kesimpulan	121
RUJUKAN		122
LAMPIRAN		



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1	Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu 26
2.2	Pendekatan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu 27
2.3	Ringkasan Kaedah Pengajaran Bersama 33
3.1	Sampel dan Alat Kajian 67
3.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian 70
3.3	Ringkasan Kandungan Pengajaran 73
4.1	Ujian Normaliti Markah Ujian Pra Kumpulan Kawalan 81
4.2	Ujian Normaliti Markah Ujian Pasca Kumpulan Kawalan 82
4.3	Ujian Normaliti Markah Ujian Pra Kumpulan Rawatan 82
4.4	Ujian Normaliti Markah Ujian Pasca Kumpulan Rawatan 83
4.5	Perbezaan Min Markah Ujian Pra Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan 83
4.6	Perbezaan Min Markah Ujian Pasca Bagi Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan 84
4.7	Ujian Sampel Berpasangan 85
4.8	Korelasi Ujian Pra Kumpulan Kawalan dengan Ujian Pra Kumpulan Rawatan 86
4.9	Korelasi Ujian Pasca Kumpulan Kawalan dengan Ujian Pasca Kumpulan Rawatan 86
4.10	Jantina Sampel 88
4.11	Kaum Sampel 88
4.12	Pencapaian Bahasa Melayu yang Lalu 89





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xii

4.13	Persepsi Murid	90
4.14	Kesan kaedah Pengajaran Bersama Terhadap Murid	93
4.15	Kesan Pengajaran Bersama Terhadap Kemahiran Membina Karangan Bahasa Melayu	95
4.16	Ringkasan Refleksi Guru	98
4.17	Binaan Kod dan Tema	101



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1	Kerangka Konseptual Kaedah Pengajar Bersama 51
3.1	Reka Bentuk Kajian 65
3.2	Prosedur Pengumpulan Data 72
3.3	Proses Analisis Data Kuantitatif 76
3.4	Proses Analisis Data Kualitatif 78



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiV

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variance</i>
BM	Bahasa Melayu
KOMSAS	Komponen Kesusasteraan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Rancangan Pengajaran Harian Menggunakan Kaedah Pengajaran Bersama Minggu 1
- B Rancangan Pengajaran Harian Menggunakan Kaedah Pengajaran Bersama Minggu 2
- C Rancangan Pengajaran Harian Menggunakan Kaedah Pengajaran Bersama Minggu 3
- D Rancangan Pengajaran Harian Menggunakan Kaedah Pengajaran Bersama Minggu 4



- F Rancangan Pengajaran Harian Menggunakan Kaedah Pengajaran Bersama Minggu 6
- G Rancangan Pengajaran Harian Menggunakan Kaedah Pengajaran Bersama Minggu 7





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



1.1 Pengenalan

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Penulisan karangan merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam sukanan pelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu (BM). Melalui penulisan karangan yang dihasilkan oleh pelajar, guru dapat mengetahui dan menilai sejauh manakah tahap penguasaan bahasa seseorang pelajar. Tuan Jah Tuan Yusof dan Faridah Nazir (2011) menerangkan bahawa mengarang merupakan satu kemahiran yang perlu dipelajari dan dilatih serta dikuasai oleh setiap murid kerana sebahagian besar dalam pendidikan formal memerlukan aktiviti menulis dan mengarang sebagai kaedah untuk menyampaikan maklumat, idea dan pendapat. Oleh hal yang demikian, aktiviti membina sebuah karangan bukan sahaja bertujuan untuk melihat hasil karangan, malah lebih kepada bagaimana proses mengarang itu dilakukan supaya dapat diaplikasikan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



bukan sahaja dalam pembelajaran Bahasa Melayu, tetapi juga dalam mata pelajaran yang lain.

Maka, tidak hairanlah sehingga ke saat ini, peninjauan dan pengkajian berkenaan keberkesanan kaedah-kaedah pengajaran karangan dalam kalangan murid masih lagi dilakukan saban tahun. Hasil daripada kajian-kajian ini pelbagai kaedah baharu dan tidak kurang juga kaedah lama yang telah ditambah baik diperkenalkan. Berdasarkan senario berkenaan, dapat disimpulkan bahawa kajian-kajian yang dilakukan serta kaedah-kaedah yang disarankan tidak menunjukkan keberkesanan secara holistik bagi meningkatkan tahap pencapaian murid.

Noorhayati Mashroom (2010) dalam tinjauan beliau berkenaan Keberkesanan



Menengah Atas menunjukkan masalah utama pelajar dalam penulisan karangan adalah dari segi huraihan isi karangan. Dapatannya juga menunjukkan bahawa teknik perbincangan kumpulan dapat membantu pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Berdasarkan kajian yang dijalankan Norhayati Mashroom, dapat difahami bahawa cara untuk mengatasi masalah pelajar menghuraikan isi karangan adalah dengan teknik perbincangan kumpulan. Walau bagaimanapun, dalam kajian berkenaan tidak ditunjukkan keberkesanan teknik perbincangan kumpulan ini malah menunjukkan teknik ini mungkin tidak berkesan kepada pelajar beraras rendah atau juga kepada pelajar berpencapaian tinggi.

Rentetan daripada permasalahan kelemahan pelajar membina karangan ini telah mengakibatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Bahasa Melayu khususnya turut





terjejas. Laporan Lembaga Peperiksaan (2010) dalam Shahlan Surat et.al (2013) menyatakan bahawa bilangan pelajar yang berpencapaian sederhana dalam penulisan karangan adalah lebih banyak daripada yang berpencapaian tinggi (cemerlang) dan rendah. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan pelbagai kaedah masih lagi tidak dapat melonjakkan pencapaian pelajar ke tahap yang lebih cemerlang. Oleh itu, mengenal pasti pendekatan yang berupaya untuk mengubah pencapaian pelajar adalah penting disamping melihat kemampuan dan kebolehan guru untuk melaksanakan yang terbaik demi menaikkan prestasi pelajar dalam penulisan karangan.

1.2 Penyataan Masalah

Pelbagai masalah yang timbul berkenaan pencapaian murid dalam penulisan karangan ini bukanlah isu yang baharu. Hal ini kerana, sudah terdapat begitu banyak kajian berkenaan kaedah atau teknik pengajaran karangan yang telah dilakukan. Persoalannya, mengapakah kepelbagaian kaedah dan teknik berkenaan masih tidak dapat menyelesaikan permasalahan berkenaan kemampuan murid untuk menulis karangan? Kajian ini dilakukan berlandaskan satu masalah utama iaitu, dari segi kemahiran penulisan karangan dalam kalangan murid.

Dari segi kemampuan murid membina karangan, Abdul Rashid Jamian et.al (2011) dalam kajian mereka menyatakan bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar diajarkan dan dikuasai oleh seorang murid. Abdul Rashid Jamian et.al (2011) menjalankan kajian berkenaan penggunaan teks KOMSAS bagi mengajarkan karangan kepada 64 orang pelajar tingkatan dua yang berpencapaian





sederhana. Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan keberkesanan penggunaan teks KOMSAS berkenaan dalam meningkatkan prestasi pelajar. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan, apakah alat yang harus digunakan oleh pelajar sebagai bahan bantuan untuk menulis karangan. Maka, kajian Abdul Rashid Jamian et.al (2011) ini telah membuktikan bahawa pengkaji hanya memudahkan pelajar membina karangan dengan menggunakan teks KOMSAS, tidak pula menunjukkan proses penulisan karangan itu secara keseluruhan. Selain itu, kaedah yang digunakan dalam kajian ini juga hanya tertumpu kepada pelajar sederhana sahaja namun, tidak menunjukkan sama ada kaedah ini sesuai untuk semua tahap pelajar.

Kajian lain berkenaan penulisan karangan telah dijalankan oleh Shahla Surat et. al (2013) yang bertajuk Sumbangan Elemen Metakognitif Terhadap Pencapaian



refleksi metakognitif untuk membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam penulisan yang dilakukan terhadap 65 orang pelajar dalam kumpulan eksperimen daripada tiga buah sekolah yang berlainan. Berbeza dengan kajian Abdul Rashid Jamian et.al (2011) yang menggunakan kaedah teks KOMSAS untuk meningkatkan pencapaian penulisan karangan pelajar, kajian yang dijalankan oleh Shahla Surat et. al (2013) ini pula menggunakan kesedaran dan kemampuan pemikiran pelajar untuk mewujudkan kesedaran yang dikatakan mampu meningkatkan pencapaian penulisan karangan pelajar. Namun begitu, sejumlah 136 orang sampel yang digunakan tidak dijelaskan secara terperinci tahap pelajar yang bagaimana yang digunakan untuk kajian ini. Memandangkan kajian Shahla Surat et. al (2013) ini memerlukan pembelajaran kendiri pelajar, maka cara ini mungkin tidak sesuai diaplikasikan kepada pelajar lemah yang lemah dari segi kemahiran berfikir dan kemahiran berbahasa. Hal ini sekali lagi





memperlihatkan kaedah yang digunakan adalah untuk meningkatkan pencapaian pelajar serta mencapai objektif yang diinginkan dan tidak pula terhadap kemahiran proses mengarang itu sendiri.

Selain itu, satu lagi kajian yang menarik telah dijalankan oleh Yusfaiza Yusuff dan Mohd Isha Awang (2012) yang mengetengahkan kaedah pembelajaran Jigsaw II dalam pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. Kajian ini menunjukkan daptan kajian iaitu kaedah Jigsaw II ini telah meningkatkan kemahiran kognitif dan kemahiran interpersonal responden dalam pembinaan karangan, di samping responden telah mempamerkan sikap yang positif terhadap kaedah pembelajaran Jigsaw II. Kaedah Jigsaw II yang juga merupakan sebahagian daripada kaedah pembelajaran koperatif ini memerlukan tahap pemikiran pelajar yang tinggi kerana memerlukan kumpulan pakar

dalam setiap kumpulan. Oleh itu, kajian Yusfaiza Yusuff dan Mohd Isha Awang (2012) ini juga tidak mungkin dapat diaplikasikan kepada pelajar berpencapaian lemah akibat kekangan pemikiran pelajar itu sendiri. Selain itu, kaedah Jigsaw II ini juga lebih kepada kaedah pencarian dan pengembangan isi karangan dan bukannya terhadap proses mengarang itu sendiri.

Titik tolak kepada permasalahan dalam kajian-kajian yang telah dilakukan sebenarnya berpunca daripada corak pengajaran di dalam bilik darjah itu sendiri. Murid-murid kadang-kala hanya tahu menghuraikan sesetengah tajuk karangan sahaja kerana mereka didedahkan dengan kaedah untuk mencari isi karangan semata-mata dan bukannya proses pembinaan karangan itu sendiri. Hal ini berkaitan dengan sebuah kajian kes yang dilakukan oleh Marohaini Yusoff dan Zulkifli A.Manaf (1997) yang menunjukkan bahawa penumpuan guru lebih diberikan terhadap ‘hasil karangan’ dan





bukannya proses mengarang. Dapatan lain kajian Marohaini Yusoff dan Zulkifli A.Manaf (1997) ini juga menjelaskan bahawa pengajaran guru lebih berbentuk linear, menekankan aspek pencarian isi semata-mata dan lebih berorientasikan peperiksaan. Selain itu, Rozita Radhiah Said dan Abdul Rashid Jamian (2012) juga telah menjalankan sebuah kajian berkenaan amalan pengajaran guru cemerlang di dalam bilik darjah yang juga menunjukkan guru mendominasi pengajaran karangan di dalam bilik darjah. Cara pengajaran guru yang sebegini adalah disebabkan beberapa kekangan yang wujud semasa proses pengajaran dan pembelajaran itu berlangsung.

Rentetan daripada kajian-kajian yang dijalankan banyak memfokuskan kepada kaedah pengembangan isi dan bukannya proses mengarang serta corak pengajaran guru juga yang lebih menekankan aspek pemerolehan isi karangan merupakan permasalahan

yang harus diambil perhatian. Oleh hal yang demikian, pengenalan terhadap kaedah yang berupaya bukan sahaja membina pengetahuan pelajar untuk mencari isi karangan, malah terhadap proses mengarang itu sendiri haruslah diketengahkan. Maka, kajian ini akan mencadangkan sebuah kaedah yang mampu merangkumi kedua-dua aspek berkenaan iaitu pemerolehan isi karangan dan proses pembinaan sesebuah karangan.





1.3 Objektif Kajian

- 1.3.1 Mengenal pasti kesan pengajaran bersama terhadap pencapaian pelajar dalam penulisan karangan Bahasa Melayu.
- 1.3.2 Mengenal pasti adakah kaedah pengajaran bersama dapat menarik minat pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan.
- 1.3.3 Mengenal pasti jenis kaedah pengajaran bersama yang sesuai dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran karangan.

1.4 Soalan Kajian



Soalan dalam kajian ini ialah:



- 1.4.1 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan markah karangan dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
- 1.4.2 Adakah terdapat perbezaan yang signifikan skor min pencapaian pelajar dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
- 1.4.3 Adakah terdapat hubungan yang signifikan pencapaian karangan dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?
- 1.4.4 Adakah pelajar berminat dengan pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah pengajaran bersama?
- 1.4.5 Adakah terdapat jenis kaedah pengajaran bersama yang memudahkan guru menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan dengan lebih berkesan?





1.5 Hipotesis Kajian

- 1.5.1 Ho1- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan markah karangan dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- 1.5.2 Ho2- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan skor min pencapaian pelajar dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.
- 1.5.3 Ho3- Tidak terdapat hubungan yang signifikan pencapaian karangan dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kawalan rawatan.
- 1.5.4 Ho4- Tidak terdapat perbezaan minat pelajar antara kaedah pengajaran bersama dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran karangan dengan cara tradisional.



Penyelidikan ini akan memberi maklumat berkenaan kaedah pengajaran bersama yang boleh digunakan dalam pengajaran penulisan karangan. Selain meningkatkan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, kajian ini juga penting untuk menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Kaedah pengajaran tradisional yang menggunakan seorang guru sebagai tenaga pengajar dilihat masih lagi tidak mampu menarik minat pelajar, malah menurut Rozita Radhiah Said dan Abdul Rashid Jamian (2012), tahap penguasaan penulisan karangan pada peringkat sekolah menengah hari ini masih memerlukan pemantauan berkala yang tekal. Selain itu, penguasaan bahasa yang lemah telah meletakkan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang sukar sekaligus penguasaan dan pencapaian pelajar sangat rendah. Persepsi dan tanggapan ini berlaku setelah sekian lama kaedah mengajar secara





tradisional dipraktikkan tanpa mengalami apa-apa perubahan. Walaupun guru-guru telah menggunakan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi serta kaedah-kaedah yang disarankan sesuai untuk mempelbagaikan corak pengajaran, namun kaedah ini masih tidak memberi kesan yang baik.

Oleh hal yang demikian, kajian yang akan dijalankan ini bertujuan mencadangkan sebuah kaedah pengajaran karangan yang boleh diaplikasikan oleh guru-guru di dalam kelas sebagai penyelesaian kepada kaedah tradisional yang masih tidak dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam penulisan karangan. Selain dapat memenuhi proses pembinaan karangan itu sendiri, melalui pengaplikasian kaedah pengajaran bersama ini, guru-guru yang mengajar tidak lagi berfikir, merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bersendirian. Hal ini kerana, guru

dapat berbincang bersama-sama bagi menghasilkan sesuatu yang baru dan lebih baik untuk keutamaan para pelajar. Tulisan Goldwriter dalam Linda M.Rhinehart Neas (2012) menyatakan bahawa, pengajaran bersama dapat diaplikasikan kerana setiap guru mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri, maka dalam pengajaran bersama ini, murid-murid bertuah kerana dapat menerima pengajaran dua orang guru yang saling melengkapi. Hal ini bermaksud, dengan idea guru-guru yang bergabung dalam kaedah pengajaran bersama mampu menghasilkan sesuatu yang lebih baik daripada kaedah tradisional.





1.7 Batasan dan Skop Kajian

Kaedah pengajaran bersama yang digunakan bagi kajian ini adalah terdiri daripada dua orang guru yang mengajar dalam satu masa yang sama bagi kumpulan rawatan dan seorang guru bagi kumpulan kawalan. Kriteria guru pula tidak ditetapkan, bermakna dari segi jantina, umur dan pengalaman mengajar juga tidak dikhuluskan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana, guru dalam kajian ini ialah individu yang menjalankan kaedah pengajaran bersama. Perkara yang akan diuji dalam kajian ini ialah pencapaian penulisan karangan murid kesan daripada pengaplikasian kaedah pengajaran bersama bagi kumpulan rawatan. Maka, kaedah pengajaran bersama ialah pemboleh ubah tidak bersandar manakala pemboleh ubah bersandarnya pula ialah markah ujian karangan murid, iaitu hasil yang mahu diukur dalam kajian ini.



Selain itu, Rancangan Pengajaran Harian (RPH) untuk proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah pengajaran bersama akan dibina oleh pengkaji sendiri. RPH ini mempunyai kedah-kaedah pengajaran bersama yang tertentu dan disesuaikan dengan objektif pengajaran dan pembelajaran yang telah ditetapkan.

Pengaplikasian pengajaran bersama ini merupakan pemboleh ubah tidak bersandar yang akan melihat kesannya terhadap murid dalam kajian ini. Murid yang telah ditetapkan dalam kajian ini ialah murid tingkatan empat daripada kedua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan. Murid-murid ini pula tergolong dalam kelas pertengahan yang terdiri daripada pelbagai aras atau tahap pencapaian iaitu, daripada cemerlang, sederhana dan lemah. Oleh hal yang demikian, pengaplikasian kaedah pengajaran bersama ini akan melihat adakah penggunaan kaedah ini berkesan bagi





murid yang lemah, sederhana atau cemerlang dan mungkin juga tidak mempunyai apa-apa perubahan dengan pengaplikasian pengajaran bersama. Kesan akan dilihat berdasarkan pencapaian penulisan karangan iaitu markah ujian pra dan pasca yang merupakan pemboleh ubah bersandar.

Sepanjang kajian ini dijalankan, kaedah pengajaran bersama akan diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran karangan sahaja. Karangan pada peringkat tingkatan empat terdiri daripada beberapa jenis dan mempunyai formatnya yang tersendiri. Namun, bagi melengkapkan kajian ini, format dan jenis karangan yang akan diajar akan ditetapkan bagi memperoleh ketepatan dan keseragaman. Selain itu, hal ini juga akan mengelak timbulnya perbezaan data yang boleh mengurangkan kesahan dapatan yang diperoleh.



1.8 Definisi Operasional

Terdapat beberapa definisi operasional yang seharusnya diterangkan dalam kajian ini ialah pengajaran bersama, rancangan pengajaran harian (RPH), murid dan karangan.

1.8.1 Pengajaran Bersama (*Co-teaching*)

Secara umumnya pengajaran bersama dapat difahami daripada hasil kajian dan penulisan penulis-penulis yang terdahulu berkenaan *co-teaching* ini. Pengertian yang pertama dijelaskan oleh Richard A.Villa et.al (2004) menyatakan bahawa “*co-teaching*





is two or more people sharing responsibility for teaching some or all of the students assigned to a classroom". Selain itu, definisi ini juga tidak jauh berbeza daripada yang diutarakan oleh Anne M. Beninghof (2012) iaitu "*co-teaching (or collaborative teaching) is a coordinated instructional practice in which two or more educators simultaneously work with a heterogeneous group of students in a general education classroom*". Berdasarkan definisi pengajaran bersama yang telah dinyatakan di atas, kedua-dua pandangan bersetuju bahawa pengajaran bersama berlangsung dengan gabungan tanggungjawab antara dua orang guru atau lebih bagi mengajar pelajar yang pelbagai.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kerangka pengertian pengajaran bersama yang telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, maka corak pengajaran bersama yang akan berlangsung dalam kajian ini ialah pengajaran bersama yang melibatkan dua orang guru yang mengajar di dalam sebuah kelas dalam masa yang sama. Latar belakang guru seperti pengalaman mengajar, jantina dan umur tidak menjadi pengukur dalam kajian ini kerana guru bukanlah pemboleh ubah yang akan dikaji. Pemboleh ubah tidak bersandar dalam kajian ini ialah pengajaran bersama yang akan dijalankan terhadap murid tingkatan empat.

Pengajaran bersama ini ialah sebuah kaedah pengajaran. Bagi kajian ini, kaedah pengajaran bersama yang akan dilakukan mengandungi lima jenis yang telah dipilih daripada 12 jenis awal yang disenaraikan daripada beberapa orang penulis. Lima jenis ini dipilih berdasarkan kesesuaian dan kesamaan maksudnya dengan jenis -jenis lain yang tidak dipilih. Lima jenis kaedah pengajaran bersama yang telah dipilih ialah pengajaran selari (*parallel teaching*), pengajaran stesen (*station teaching*), pengajaran





berkumpulan (*teaming*), pengajaran bercakap dan menambah (*speak and add*) dan pengajaran seorang mengajar dan seorang membantu (*one teach, one assist*).

1.8.2 Rancangan Pengajaran Harian (RPH)

RPH ialah sebuah dokumen penting yang dimiliki oleh setiap guru bagi menunjukkan perancangan yang telah dilakukan sebelum memulakan pengajaran. Tuan Jah Tuan Yusof (2011) menyatakan bahawa bagi membantu guru-guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, seseorang guru perlu merancang dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan sistematik mengikut prosedur yang disebut sebagai Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Selain itu, definisi

yang dinyatakan oleh Akhtiar Pardi dan Shamsina Shamsudin (2010) iaitu, rancangan pelajaran membantu guru untuk menyusun isi kandungan, bahan bantu dan kaedah mengajar dengan teratur dan kebanyakan rancangan pelajaran yang dibina mengandungi objektif pelajaran, hasil pembelajaran, langkah-langkah pengajaran, bahan yang diperlukan dan penilaian pelajaran.

RPH dalam skop kajian ini dibina oleh pengkaji. Hal ini bagi mendapatkan keselarasan dengan memasukkan elemen-elemen kaedah pengajaran bersama yang ditetapkan. Kawalan terhadap RPH yang dilakukan ini meliputi semua aspek iaitu, tajuk, objektif pengajaran dan pembelajaran, alat bantu mengajar, bahan bantu mengajar dan sehingga ke bahagian aktiviti pembelajaran. Rasional RPH ini dikawal kerana, pada akhir kajian pengkaji mahu mengenal pasti model pengajaran bersama





yang mana paling selesa digunakan dalam pengajaran karangan yang akhirnya akan dapat menjawab objektif kajian.

1.8.3 Murid

Murid ditakrifkan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) sebagai anak, orang atau anak yang sedang belajar atau berguru, pelajar, penuntut. Bagi kajian ini, murid yang menjadi sampel kajian ialah murid tingkatan empat yang terdiri daripada kedua-dua jantina iaitu lelaki dan perempuan. Murid-murid ini melibatkan murid di dalam kelas yang sama.



bersama akan dinilai dan dianalisis kerana markah berkenaan merupakan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini.

1.8.4 Karangan

Secara umumnya, karangan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mentakrifkan karangan sebagai gubahan bunga, cucukan (manik dsb), susunan. Selain itu, karangan juga turut didefinisikan lagi sebagai ciptaan (cerita, lagu, dll), karya. Berdasarkan definisi yang telah dijelaskan, dapat difahami bahawa karangan itu umpsamanya sebuah proses penciptaan. Dalam konteks pembelajaran, karangan merupakan penciptaan cerita yang disusun-susun.





Karangan dalam kajian ini pula diertikan sebagai karangan yang dihasilkan oleh murid-murid daripada empat buah kelas berkenaan. Bentuk, format dan jenis karangan akan ditetapkan dalam kajian ini. Hal ini bermakna, guru yang terlibat bebas merangka aktiviti yang sesuai dengan jenis atau format karangan yang sama. Perincian yang lebih jelas berkenaan karangan yang akan dibina akan dijadualkan dalam bab Metodologi Kajian.

1.8.5 Keberkesanan

Keberkesanan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah hanya terhadap pencapaian pelajar iaitu, sama ada kaedah pengajaran bersama ini memberi kesan yang positif atau yang negatif terhadap pencapaian penulisan karangan pelajar.



1.9 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan sebab dan tujuan kajian ini dijalankan berdasarkan berdasarkan masalah-masalah yang telah dinyatakan dalam pernyataan masalah. Selain itu, bab ini juga telah menyatakan persoalan kajian dan hipotesis yang diramalkan yang bakal dijawab di akhir kajian ini. Setiap pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini juga telah diterangkan secara terperinci pada bahagian definisi operasional yang terkandung dalam bab ini. Keseluruhannya, kajian ini akan menunjukkan keupayaan pengaplikasian kaedah pengajaran bersama dalam memberi perubahan kepada pencapaian pelajar dalam karangan Bahasa Melayu. Pengajaran bersama ini akan lebih





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
16

membantu guru untuk merealisasikan proses pengajaran dan pembelajaran di samping membebaskan guru merangka sendiri pengajaran yang bagaimana yang mahu diaplikasikan. Kajian ini nyata sedikit berbeza dengan kajian-kajian lain kerana tidak mengikat guru berada dalam landasan yang telah ditetapkan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi